

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Malaysia Online

TARIKH : Selasa, 12 Mac 2019



Penyertaan Larian Ulat Buku u-Pustaka masih dibuka

Nur Izzati Izzah Nadzi

12 Mac 2019 12:15 PM



PENDAFTARAN Larian Ulat Buku u-Pustaka Bookworm Run 2019 di Dataran Merdeka, 31 Mac depan masih dibuka kepada orang ramai. - UTUSAN ONLINE

KUALA LUMPUR 12 Mac - Orang ramai dialu-alu menyertai Larian Ulat Buku u-Pustaka 'Bookworm Run' 2019 yang akan berlangsung di Dataran Merdeka di sini pada 31 Mac depan.

Larian dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sempena ulang tahun u-Pustaka kelapan.

Larian Ulat Buku akan bermula pada pukul 7 pagi dan pendaftaran masih boleh dibuat di www.ticket.2u.com.my.

Melalui laman Facebook u-Pustaka, pihaknya memaklumkan objektif larian bertujuan menyokong aktiviti membaca yang memerlukan gaya hidup yang sihat, minda pintar serta memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai perkhidmatan u-Pustaka. -

UTUSAN ONLINE